



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

3 JUN 2026 (RABU)

JPV Terengganu Keluar 2,340 Permit Sembelihan Luar, Tahun Ini

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Nasional	Dalam Talian	27 Mei



Penduduk setempat menguruskan lembu korban yang baru tiba dengan lori pengangkut di sekitar Masjid Al Azhariah, Seksyen 18 .- Foto NSTP

KUALA TERENGGANU: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri mengeluarkan sebanyak 2,340 Permit Sembelihan Luar (PSL) bagi pelaksanaan ibadah korban sempena sambutan Aidiladha tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu, Datuk Dr Azman Ibrahim berkata, bilangan keseluruhan permit pindah dikeluarkan adalah sebanyak 1,864.

Sehingga petang kelmarin katanya, permohonan permit penyembelihan ternakan korban dikeluarkan JPV dengan lembu mendahului senarai sembelihan iaitu 6,233 ekor, kerbau (35), bebiri (10) dan kambing sebanyak 96 ekor.

“Jumlah sembelihan ternakan korban tahun ini meningkat sebanyak 179 ekor berbanding hanya 6,229 pada sambutan Aidiladha tahun lalu,” katanya.-

BULETINTV3

Aktiviti Korban Komuniti Rohingya Cetus Rasa Kurang Senang Masyarakat Tempatan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Dalam Talian	27 Mei



KOMUNITI Rohingya melakukan ibadah korban pada sambutan Aidiladha di kawasan yang dilihat kurang sesuai di Selayang. FOTO Asyraf Hamzah

Selayang: Najis dan darah lembu sembelihan korban dibuang ke dalam longkang dipercayai dilakukan komuniti Rohingya di belakang deretan premis perniagaan di Jalan Besar Selayang Baru, di sini, hari ini, sekali gus menimbulkan rasa kurang senang dan kemarahan dalam kalangan penduduk tempatan.

Tinjauan Harian Metro mendapati, sebanyak 60 ekor lembu termasuk lembu sado disembelih sempena

ibadah korban oleh komuniti Rohingya yang umpama 'menjarah' dan membuat koloni di kawasan pasar terbabit.

Sekali pandang, situasi ratusan warga asing mengendalikan sembelihan di lokasi ini tidak ubah seperti berada di negara asing.

Dengan tahap kebersihan dan lokasi sembelihan yang dilihat kurang sesuai, perkara itu menimbulkan

tanda tanya sama ada segala kerja penyembelihan ini mendapat permit dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) serta kelulusan tapak oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Penduduk tempatan mendakwa, aktiviti penyembelihan lembu secara besar-besaran di kawasan pasar berkenaan sudah berlaku sejak lebih sedekad lalu, namun tahun ini tetap mencetuskan rasa kurang senang apabila sisa darah dan najis dibuang ke dalam longkang.

Amin Abdul Malek, 46, berkata, suasana di kawasan belakang premis perniagaan itu sejak malam tadi bagaikan pesta apabila ratusan warga asing mula menghias dan menempatkan lembu korban di lokasi berkenaan.

Katanya, kebanyakan lembu yang dibawa masuk adalah baka besar termasuk lembu sado yang dianggarkan bernilai puluhan ribu ringgit seekor.

"Malam tadi lagi mereka sudah sibuk buat persiapan dekat lorong belakang ini. Saya turun tengok memang meriah macam pesta.

"Lembu yang dibawa pun bukan

biasa-biasa. Ada yang saya dengar harga sampai RM20,000 seekor, malah ada juga yang lebih mahal," katanya ketika ditemui Harian Metro di lokasi, hari ini.

Menurutnya, komuniti Rohingya di kawasan itu kebanyakannya terdiri daripada peniaga pasar dan aktiviti korban berkenaan dilakukan setiap tahun.

"Tahun ini saya dengar ada sekitar 60 ekor lembu disembelih. Tapi kalau dibandingkan sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), dulu lagi banyak sampai berderet-deret depan kedai," katanya.

Seorang lagi penduduk, Din, 64, berkata, aktiviti korban di kawasan pasar Selayang Baru itu bukan perkara baharu kerana sudah berlangsung lebih 10 tahun.

"Memang sini tempat mereka buat korban sebab komuniti mereka ramai berniaga dekat pasar ini.

"Tapi kalau ikut undang-undang, perkara macam ini kena ada

kelulusan juga daripada pihak berkuasa. Orang tempatan pun tertanya-tanya ada permit atau tidak," katanya.

Dia yang tinggal di Taman Selayang Makmur, di sini, turut mendakwa ada lembu dan kambing korban ditempatkan di dalam premis kedai dipercayai bagi mengelakkan perhatian pihak berkuasa.

Sementara itu, ahli jawatankuasa (AJK) program dikenali sebagai Sham, 35, mengakui kira-kira 60 ekor lembu disembelih di kawasan berkenaan, tidak termasuk 15 ekor lagi di Desa Bakti.

Katanya, majoriti peserta korban adalah komuniti Rohingya yang menetap dan berniaga di kawasan sekitar Selayang Baru.

Menurutnya, beberapa pihak termasuk individu berkaitan pengurusan kawasan turut berada di lokasi bagi memantau perjalanan aktiviti korban terbabit.

"Semua yang buat korban ini kebanyakannya peniaga dekat pasar sini. Program mula selepas solat Aidiladha pagi tadi.

"Kami sebagai AJK memang sudah pesan supaya jangan buang sisa dalam longkang, tapi bila ramai sangat memang susah nak kawal," katanya.-[MYMETRO](#)

'Arwah Sempat Berjalan Ke Kenderaan Sebelum Pengsan' - Anak Saudara Mangsa Ditanduk Kerbau

Media	Ruangan	Muka Surat	Tarikh
My Metro	Mutakhir	Dalam Talian	28 Mei



FOTO tular kerbau mengamuk ketika ibadah korban di Ulu Tiram.

Johor Bahru: Mangsa yang maut ditanduk kerbau ketika persiapan ibadah korban di Kampung Tenang, Ulu Tiram semalam, sempat berjalan sendiri ke kenderaan pacuan empat roda di kawasan berkenaan sebelum rebah.

Anak saudara mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Mira, 30-an, ketika menceritakan detik cemas itu berkata, Ahmad Shah Meerasa, 45, menggagahkan diri berbuat demikian meskipun mengalami kecederaan

parah pada bahagian paha.

Beliau berkata, serangan haiwan berkenaan menyebabkan mangsa tercampak dan kehilangan banyak darah, namun arwah tetap melangkah menuju ke kenderaan itu dan naik ke bahagian but belakang sebelum terbaring dan dikejarkan ke hospital.

"Ketika kejadian, ada ahli keluarga yang sedang makan dan ada juga yang mencuci pinggan. Arwah

bersama beberapa individu lain pula sedang berusaha mengikat tali pada kerbau berkenaan.

"Secara tiba-tiba, kerbau itu mengamuk dan berpusing sebelum menanduk paha arwah sehingga seluar yang dipakainya koyak sampai ke bahagian atas. Darah memang terlalu banyak," katanya ketika dihubungi.

Mira berkata, insiden tragis pada 10 pagi itu turut mengakibatkan dua lagi individu cedera akibat diseret, manakala kerbau itu masih belum dikorbankan sehingga hari ini kerana penduduk masih terkejut dengan kejadian berkenaan.

Beliau berkata, bapa saudaranya itu bukanlah tukang sembelih, sebaliknya hanya menguruskan persiapan bagi ibadah korban tujuh beradik, termasuk mangsa sendiri yang juga bapa kepada tiga anak.

Dalam kejadian semalam, mangsa disahkan meninggal dunia pada 11 malam di Hospital Sultanah Aminah (HSA) akibat kecederaan saluran darah (vaskular) kaki kiri.

Polis mengklasifikasikan kes berkenaan sebagai mati mengejut

(SDR) dan mengesahkan tiada sebarang unsur jenayah dikesan.

Kes berkenaan dipanjangkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor untuk tindakan susulan.-

[MYMETRO](#)

Livestock Sacrificial Procedures Need Tightening In Light Of Buffalo Rampage Death In Ulu Tiram			
Media	Ruangan	Muka Surat	Tarikh
Focus Malaysia	Opinion	Dalam Talian	29 Mei



Photo: Focus Malaysia

THE usual festive mood this *Hari Raya Korban* was punctured by a tragic headline – “Man Gored to Death by Buffalo During Raya Sacrifice in Ulu Tiram”.

In scenes that are normal during Eid al-Adha up and down the country, livestock are sacrificed in open fields, *surau* compounds and village squares.

This has been going on since time

immemorial and nobody bats an eyelid. However, the tragedy that claimed one life and injured another (in two separate incidents coincidentally in Ulu Tiram, Johor) has brought to light some pertinent issues.

Of course, this being the age of social media, it did not take long for all sorts of 3R (race, religion and royalty) tainted comments to surface, thus making light of the

tragedy. Ignoring such insensitivities, the tragic incident brings up questions surrounding safety issues.

The *Aidil Adha* sacrificial process in Malaysia is governed by Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) and the Department of Veterinary Services (DVS). It is the latter in which I wish to focus on.

The DVS officially designates 27 permanent DVS abattoirs and over 43 licensed private slaughterhouses across Peninsular Malaysia for sacrificial slaughter during Aidil Adha.

If one plans to perform the rite outside licensed abattoirs (eg at mosques or *surau*), one must obtain an Outside Slaughter Permit (PSL) from the DVS district office.

The guidelines which can be viewed here is mainly to ensure compliance with animal welfare, hygiene and disease control. But as this tragic episode highlights, issues of safety must also be given due consideration to ensure there is no repeat.

A few things need attention

Firstly, what safety procedures can be put in place to prevent such mishaps

from occurring?

JAKIM allows the stunning (or sedating) of animals prior to the Eid al-Adha sacrifice but under very strict conditions.

The animal must remain alive and be capable of being revived; if the stunning method causes the animal's death before it is properly slaughtered, the sacrifice is deemed invalid.

The specific JAKIM and National Fatwa Council rulings outline these conditions clearly:

Permitted methods: Only reversible electrical stunning is allowed. It is strictly used to temporarily immobilise the animal to reduce stress and prevent injury before the throat is slit.

Prohibited methods: Mechanical stunning devices that penetrate the skull (penetrative captive bolt) or heavily blunt trauma (non-penetrative captive bolt) are *haram* and prohibited because they cause fatal injuries and kill the animal prior to ritual slaughter.

Life signs: The animal must be strictly

managed to ensure it is in a state of insensibility but retain life signs so that the standard *dhabihah* (Islamic slaughter) remains the actual cause of death.

Secondly, given that *korban* activities are held the length and breadth of the country involving millions of Muslims, any potential solutions must be logistically feasible.

Hence both JAKIM and DVS may need to propose methods that are suitable to be carried out in the village field and community mosques.

Perhaps, the DVS can conduct courses for those who will be responsible for preparing the animal for sacrifice on the do's and don'ts. Over time, only those certified by the DVS (and JAKIM) can perform this essential task.

These suggestions are by no means an attempt to make life difficult for Muslims trying to observe a sacred ritual. Rather, it is an attempt to avoid such unfortunate incidents from turning a joyous religious festival into a tragedy.

Let's hope there is constructive discussions on how such episodes

can be avoided minus the 3R provocations.

In the meantime, a belated *Selamat Hari Raya Aidil Adha* to all Malaysian Muslims.-[FOCUSMALAYSIA](#)

Kebanyakan Insiden Haiwan Korban Agresif Berpunca Daripada Faktor Manusia			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Dalam Talian	31 Mei



*Pengarah Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH) Universiti Putra Malaysia (UPM),
Prof Dr Awis Qurni Sazili.*

Kuala Lumpur: Insiden haiwan korban mengamuk sehingga mengakibatkan kecederaan dan kehilangan nyawa baru-baru ini wajar menjadi peringatan penting mengenai keperluan pengendalian yang lebih sistematik dan berasaskan kebajikan haiwan.

Pengarah Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Awis Qurni Sazili berkata, kebanyakan insiden

membabitkan haiwan korban yang bertindak agresif sebenarnya berpunca daripada faktor manusia.

Katanya, semua pihak yang terbabit dalam ibadah korban termasuk petugas, sukarelawan, penyembelih dan orang awam perlu memahami tingkah laku haiwan bagi mengelakkan situasi yang boleh mengundang risiko.

"Setiap haiwan mempunyai tahap

agresif yang berbeza. Ada haiwan yang dibela dalam kandang dan biasa berinteraksi dengan manusia, tetapi ada juga yang ditenak secara lepas bebas dan jarang melihat manusia.

"Apabila haiwan seperti ini (ditenak lepas bebas) tiba-tiba berada di kawasan sesak dengan ramai orang, bunyi bising serta suasana yang asing, ia boleh menyebabkan tekanan melampau sehingga bertindak di luar kawalan," katanya.

Menurutnya, haiwan ternakan juga mempunyai deria penglihatan, pendengaran dan bau yang sangat sensitif, sekali gus menjadikan haiwan itu mudah tertekan apabila melihat haiwan lain disembelih atau menghidu bau darah di kawasan penyembelihan.

"Atas sebab itu penyembelihan tidak seharusnya dilakukan di hadapan haiwan lain kerana keadaan itu boleh meningkatkan tahap tekanan dan ketakutan sehingga mendorong haiwan bertindak agresif.

"Bagi saya, langkah paling minimum yang boleh diambil adalah menutup mata haiwan korban supaya dapat mengurangkan tekanan sekali gus mencegah daripada ia bertindak

agresif," katanya.

Mengulas beberapa insiden yang tular di media sosial, beliau berpendapat cara pengendalian haiwan sebelum proses penyembelihan perlu diberi perhatian serius.

"Terdapat kes haiwan diikat menggunakan tali yang terlalu panjang di kawasan lapang. Keadaan ini menyebabkan radius pergerakan haiwan menjadi lebih luas dan ia berupaya bergerak ke pelbagai arah serta mencederakan sesiapa sahaja yang berada di kawasan berhampiran.

"Ini menunjukkan aspek pengendalian asas masih perlu ditambah baik. Sebab itu saya cadangkan latihan praktikal khusus berkaitan teknik ikatan, pengendalian dan pengurusan haiwan korban dilaksanakan setiap tahun sebelum Aidiladha," katanya.

Awis berkata, petugas korban juga perlu memahami konsep penting dalam pengendalian haiwan seperti 'flight zone' atau zon selamat haiwan, titik

imbang dan titik buta yang mempengaruhi tindak balas haiwan terhadap kehadiran manusia.

"Pemahaman terhadap aspek berkenaan mampu membantu petugas mengawal pergerakan haiwan dengan lebih selamat tanpa menggunakan kekerasan yang boleh meningkatkan tekanan atau mencetuskan tindakan agresif," katanya.

Beliau turut mencadangkan penggunaan kemudahan mekanisasi seperti kotak pengekang khas diperluaskan yang membolehkan haiwan dikawal dengan lebih berkesan ketika proses penyembelihan, sekali gus mengurangkan risiko kecederaan kepada manusia dan haiwan.

"Pada masa sama, saya menggesa pihak berkaitan memperluaskan akses kepada garis panduan pengurusan dan penyembelihan korban yang diterbitkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) supaya lebih mudah dicapai oleh masyarakat," katanya.

Beliau berkata, langkah ini penting kerana ibadah korban perlu menjadi

contoh terbaik bagaimana Islam menitikberatkan ihsan terhadap haiwan.

"Ia sekali gus memperlihatkan bahawa proses penyembelihan dilakukan secara beretika, berperikemanusiaan dan mengikut prinsip kebajikan haiwan yang ditetapkan," katanya.

‘Saya dilambung dua kali’ – Mangsa tandukan kerbau.- [MYMETRO](#)

Isu Babi: Izham Akan Ambil Tindakan Undang-undang Terhadap Ronnie			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Utama	Dalam Talian	31 Mei



Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Ir. Izham Hashim

KUALA LUMPUR – Exco Pertanian dan Infrastruktur Selangor, Datuk Izham Hashim akan mengambil tindakan undang-undang terhadap Ronnie Liu.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pandan Indah itu akan meneliti kenyataan pemimpin DAP itu kerana ada unsur fitnah terhadapnya, katanya dalam video di media sosialnya hari ini.

Pada 28 Mei lalu, Ronnie mendakwa

Izham telah individu yang mencetuskan kontroversi penternakan babi bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri.

Bekas wakil rakyat DAP itu turut mendakwa cadangan untuk memindahkan penternakan babi ke Bukit Tagar juga daripada Izham.

Izham seterusnya menganggap Ronnie membuat kenyataan itu semata-mata demi kepentingan politik terutama menjelang pilihan

raya tidak lama lagi.

“Pertama tuduhan idea saya menamatkan ternakan babi tempatan, ia satu tuduhan melulu dan dia (Ronnie) tahu kerana sebagai bekas exco, sebarang keputusan dibuat oleh Mesyuaat Kerajaan Negeri secara kolektif,” katanya.

Izham juga menafikan dakwaan Ronnie yang cadangan memindahkan penternakan babi ke Bukit Tagar.

“Dia (Ronnie) dengar sebelah pihak dan tak pernah tanya saya. Ia tuduhan liar dan tak berasas demi kepentingan politik,” tegasnya.

Isu penternakan babi di Selangor sebelum ini mencetuskan kontroversi sehingga ia ditamatkan selepas menerima titah daripada Sultan Selangor untuk memberhentikannya.

– [MALAYSIAGAZETTE](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR